

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOFRAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 11 MAC 2015 (Rabu)

SOALAN :

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan usaha yang diperbuat untuk menambah baik peruntukan undang-undang dalam menilai kesan pembalakan kepada alam sekitar, khususnya peristiwa di Cameron Highlands baru-baru ini dan banjir di Kelantan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang dalam usaha menambahbaik Akta Perhutanan Negara 1984 bagi memperkemaskan aspek perundangan termasuk pencegahan pembalakan haram serta pemeliharaan dan pemuliharaan hutan. Secara ringkasnya, cadangan pindaan Akta Perhutanan Negara adalah seperti berikut:

- (i) pemakaian prinsip pemindahan beban pembuktian *strict liability*. Pihak yang disyaki bersalah perlu membuktikan pemilikan hasil hutan di mana-mana premis atau tanah sama ada di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) atau di luar HSK adalah hasil hutan yang sah mengikut perundangan sedia ada;
- (ii) penalti dan hukuman yang lebih berat berbanding dengan penalti dan hukuman sedia ada dengan tujuan sebagai salah satu faktor pencegahan (*deterrence*) supaya pengusaha dan pembalok sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan;
- (iii) pegawai penguatkuasa dilengkapi dengan senjata api untuk tujuan keselamatan dan penguatkuasaan; dan

- (iv) pemberian kuasa kepada pegawai yang berkhidmat di Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk membantu dan menyokong kerja penguatkuasaan, penyiasatan dan pendakwaan di negeri-negeri.

Sekian, terima kasih.